

22 JUN 2001

UMNO-BON

DR M: KERAJAAN MUNGKIN TERBIT BON TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kedudukan kewangan kerajaan adalah baik dan ia masih boleh meminjam tanpa menjejaskan keupayaannya untuk membayar pinjaman di masa depan.

Beliau ditanya demikian di hari kedua Perhimpunan Agung UMNO sama ada kerajaan akan menerbitkan bon kedaulatan tidak lama lagi.

Bagi menjawab soalan itu, beliau berkata, "Ya, mungkin."

Dipercayai hutang luar negara bersamaan dengan 50 peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan hanya 11 peratus daripada pinjaman-pinjaman ini adalah dalam jangka pendek.

Mengenai sama ada bon-bon yang akan diterbitkan itu adalah untuk mengumpulkan dana bagi meningkatkan rizab asing negara dan tambatan ringgit, Perdana Menteri berkata, "Tidak, kita sering melakukan usaha ini. Bagi membiayai projek kerajaan, kita sering menerbitkan bon".

Bank Negara Malaysia hari ini mengumumkan rizab antarabangsanya telah meningkat sebanyak RM356 juta (AS\$94 juta) kepada RM98.9 bilion (AS\$26 bilion) sehingga 15 Jun tahun ini daripada RM98.6 bilion (AS\$25.9 bilion) pada akhir Mei.

Tahap rizab itu adalah mencukupi bagi membiayai 3.9 bulan import tertanggung dan 5.6 kali hutang luar negara jangka pendek.

Dr Mahathir juga ditanya di mana bekas menteri kewangan Tun Daim Zainuddin berada dan beliau menjawab tidak tahu.

Beliau berkata Daim memberitahunya jika dia (Daim) berada di luar negara, pihak akhbar akan menyatakan beliau melarikan diri daripada ditangkap.

Dr Mahathir berkata Daim tidak akan ditangkap dan beliau boleh pergi ke luar negara kerana tiada sebarang sekatan terhadapnya.--BERNAMA

SHO SHY ZK